

Tanah taman dibeku — Muka 2

# PM: BANK YG HALAL

## J-kuasa Pengawas Syariah dibentuk untuk Bank Islam

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Kerajaan tidak akan membenarkan pelaburan atau simpanan dari hasil kegiatan yang tidak halal seperti perjudian dibuat dalam Bank Islam yang didedahkan ditubuhkan di negara ini, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Memandangkan demikian, Perdana Menteri mengumumkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pengawasan Syariah untuk mengkaji segala aspek berkaitan dengan pelaburan dalam bank itu.

Katanya, garis panduan mengenai pelaburan yang dibenarkan telah disediakan, tetapi jika timbul sebarang keraguan mengenai sesuatu pelaburan ia akan dirujuk kepada Jawatankuasa itu untuk diputuskan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas menerima laporan mengenai penubuhan Bank Islam yang disediakan oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu

Kebangsaan bank tersebut di pejabatnya di Bangunan Parlimen di sini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim dan Penasihat Khas Ekonomi Kerajaan, Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman selaku Pengerusi Jawatankuasa berkenaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata keahlian jawatankuasa itu belum ditentukan lagi. Bagaimanapun ia akan terdiri daripada orang-orang yang berkebolehan dalam bidang undang-undang, Islam dan ekonomi.

### Dividen

Menghural lebih lanjut mengenai operasi bank itu yang akan ditubuhkan tahun depan, Perdana Menteri menjelaskan ia tidak akan mengamalkan sistem riba seperti bayaran faedah dan juga simpanan tetap.

Katanya, seseorang yang menyimpan dalam bank tersebut hanya akan menerima dividen daripada keuntungan yang diperoleh daripada bank itu.

Bagi mereka yang memohon pinjaman untuk perniagaan umpamanya, bank akan mengkaji

dahulu sama ada ia mendatangkan keuntungan.

Bagi segala pinjaman yang diberikan, bank akan menjadi rakan berkongsi dalam perniagaan itu dan apabila selesai sipiutang membayar hutangnya, perniagaan itu akan diserahkan kepadanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menerangkan mereka yang memohon pinjaman untuk kegunaan sendiri bagi membeli kereta umpamanya, satu sistem sewaan khas yang tidak mengenakan riba akan dikenakan.

Tidak ada bayaran perkhidmatan tetap (fixed service charge) akan dikenakan kerana bayaran bergantung kepada perbelanjaan sebenarnya oleh pengurusan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata sistem akaun penyertaan (participating account) akan dikenakan bagi menggantikan simpanan tetap.

Perdana Menteri menjelaskan segala urusan perjalan bank itu adalah berdasarkan gabungan kajian yang telah dijalankan ke atas perkhidmatan bank-bank Islam di Sudan, Fiji, Switzerland, Jordan, Dubai dan Pakistan. — Bernama.